



JABATAN BENDAHARI

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld IX
Tarikh : 11 Januari 2007

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3/2007

Dekan/ Pengarah/Ketua Jabatan
Fakulti/Institut /Pusat/Bahagian
Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PENUBUHAN UNIT PENGUATKUASAAN JABATAN BENDAHARI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pengurusan Universiti telah bersetuju meluluskan penubuhan Unit Penguatkuasaan Jabatan Bendahari. Penubuhan unit ini adalah bertujuan untuk memantau pelaksanaan pengurusan kewangan Universiti berhubung dengan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan berkanun.

Sehubungan dengan itu, kakitangan Unit Penguatkuasaan akan membuat semakan ke atas pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan kewangan di semua Fakulti/Institut/Pusat/Bahagian di UKM. Sukacita sekiranya Y.Bhg. Prof. Dato'/Datin/Tuan dapat memberi kerjasama dan sokongan kepada kakitangan Unit Penguatkuasaan dalam menjalankan tugas mereka.

Semoga dengan adanya Unit Penguatkuasaan Jabatan Bendahari ini akan dapat menjamin dan memastikan pengurusan kewangan Universiti yang cekap dan berkesan sebagai jaminan kepada perkhidmatan pengurusan kewangan yang utuh, telus dan berintegriti tinggi dalam usaha mencapai matlamat dan wawasan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

MOHD ABD. RASHID MOHD FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k
- Y.Bhg Prof Dato' Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Timbalan-timbalan Naib Canselor
Universiti Kebangsaan Malaysia
 - Pendaftar
Universiti Kebangsaan Malaysia

